



## KENYATAAN MEDIA

### WARIS ALLAHYARHAM JURULATIH PENERBANGAN TERIMA BANTUAN PERKESO

**SEMENYIH, SELANGOR** – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini menyampaikan bantuan faedah PERKESO kepada waris **Allahyarham Fajim Juffa bin Mohd Mustafa Kamal**, jurulatih penerbangan yang terkorban dalam nahas pesawat ringan di **Ipoh, Perak** pada **1 Ogos** lalu, di kediaman mereka di Semenyih, hari ini.

PERKESO yang diwakili oleh **Ketua Eksekutifnya, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed** turut menziarah dan menyantuni waris kepada **Allahyarham** iaitu **balu, Hayati binti Nawi, 50 tahun**, dan seorang anak perempuannya yang masih bersekolah, **Fatini Nadia Qistina, 17 tahun**. Dato' Sri Dr Mohammed Azman telah menyampaikan bantuan **Faedah Orang Tanggungan (FOT)** dan **Faedah Pengurusan Mayat (FPM)** kepada kedua waris. Allahyarham turut meninggalkan dua (2) lagi anak perempuan, **Farah Hani Filzah, 25 tahun**, ahli perniagaan dan **Farisah Natasha, 23 tahun**, pensyarah kolej.

Pemprosesan faedah telah dibuat dengan kadar segera, sejurus **Skuad PERKESO Prihatin** mengetahui berita kemalangan tersebut menerusi laporan media tempatan. Langkah proaktif diambil dengan mendapatkan maklumat dan membuat semakan caruman Allahyarham Fajim dan hasil semakan mendapati arwah menerusi warisnya layak menerima faedah PERKESO.

Memandangkan kemalangan berlaku semasa arwah sedang menjalani latihan penerbangan malam, maka pemprosesan faedah dibuat menerusi **Skim Bencana Pekerjaan** di bawah **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)**. Waris telah menerima bayaran FPM sebanyak **RM2,000** untuk sekali bayar pada 3 Ogos lalu,

manakala bayaran FOT sebanyak **RM3,555 setiap bulan** akan disalurkan kepada **balunya (untuk seumur hidup)** dan **anaknyanya (sehingga usia 21 tahun atau tamat pengajian ijazah pertama)**.

PERKESO juga komited untuk memastikan kesinambungan bantuan dapat terus disalurkan kepada keluarga Allahyarham Fajim, menerusi pelbagai program dan inisiatif yang disediakan oleh PERKESO ataupun agensi-agensi lain menerusi **Program Sinergi Sosial**.

Dalam kejadian malang pada malam Sabtu lalu, pesawat ringan yang dinaiki Allahyarham Juffa dan pelatihnya dilaporkan hilang kawalan dan terhempas di Medan Gopeng, Ipoh. Maklumat awal mengenal pasti Allahyarham sebagai seorang jurulatih penerbangan di Bats Aviation Sdn Bhd sejak Februari 2020 hingga sekarang. Allahyarham juga merupakan pesara tentera yang pernah berkhidmat dengan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) dan menyandang jawatan Leftenan Kolonel.

FOT merupakan salah satu daripada faedah yang ditawarkan menerusi Skim Bencana Pekerjaan di bawah Akta 4. Faedah ini dibayar kepada orang tanggungan yang layak apabila Orang Berinsurans (OB) meninggal dunia akibat **bencana pekerjaan**. FPM pula adalah faedah yang dibayar kepada orang tanggungan sekiranya seseorang pekerja meninggal dunia akibat bencana pekerjaan atau semasa menerima **Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK) berkala**.

Adalah menjadi harapan PERKESO agar bantuan faedah ini dapat sedikit sebanyak membantu meringankan beban dan memberi semangat kepada waris dan keluarga Allahyarham untuk meneruskan kehidupan.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**6 Ogos 2022**

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 dan Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.**